

PKPB berisiko lonjak kes

Khuatir sukar laksana SOP, tingkat penularan virus

Kuala Lumpur: Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang membenarkan hampir semua sektor ekonomi dibuka mulai esok berisiko menyebabkan kes COVID-19 melonjak semula.

Hal ini terutama ketika menjelang Aidilfitri, orang ramai akan mengambil peluang 'menyerbu' kompleks beli-belah, sekali gus boleh menyebabkan lokasi itu sebagai 'lubuk' penularan wabak berkenaan.

Pakar epidemiologi, Prof Datuk Dr Awang Bulgiba Awang Mahmud, berkata lebih teruk apabila langkah itu juga dikhuatiri berupaya 'mencemarkan' zon hijau dengan kluster baharu berikutan tiada sekatan dilaksanakan membabitkan pergerakan dari zon merah ke kawasan itu.

"Sebelum ini, negara berjaya menurunkan kes COVID-19 kerana menguatkuasakan PKP yang mengurangkan kontak dengan orang ramai, justeru ada kemungkinan virus ini akan merebak semula melalui pembukaan perniagaan.

"Apa yang kita risaukan ialah apabila kontak bertambah, individu yang mempunyai COVID-19 namun tiada gejala boleh menjangkiti orang lain tanpa sedar.

"Adalah mustahil kita nak

kawal orang ramai yang bersesak di kompleks beli-belah untuk membeli barangan keperluan raya, apatah lagi mereka mengaplikasikan penjarakan sosial," katanya ketika dihubungi *BH*, di sini, semalam.

Dr Awang Bulgiba berkata, kerajaan dibimbangi akan berdepan masalah lebih rumit khususnya membabitkan lonjakan kes positif COVID-19 jika PKPB dilaksanakan secara tiba-tiba tanpa prosedur operasi standard (SOP) khusus, sebaliknya ia perlu dilakukan secara berperingkat.

Katanya, PKPB sepatutnya dimulakan dulu di zon hijau dengan indikasi tiada kes selama sebulan berturut-turut sebelum sektor ekonomi di situ boleh diaktifkan semula tanpa membenarkan komuniti dari zon merah merentasi kawasan terbabit bagi mengelak risiko jangkitan.

"Kita tidak mahu jadi seperti di Jepun apabila mereka menamatkan perintah berkurung terlalu awal sehingga menyebabkan gelombang kedua berlaku, kita bimbang jika jangkitan meningkat, jagaan kualiti rawatan dan kesihatan berkurang.

"Kita tahu PKP ini tak boleh dilakukan selama-lamanya kerana ia akan menyebabkan kerosakan dalam ekonomi, namun pembukaan semula sektor harus dilakukan secara perlahan-lahan secara berperingkat.

"Mulakan dengan pembukaan sektor ekonomi di zon hijau yang tidak merekodkan kes selama sebulan, jadi jangkitan itu kurang risikonya dan sekat mereka dari zon merah yang ingin ke zon



Dr Awang Bulgiba Awang Mahmud

hijau kerana jika tiada sekatan, zon hijau boleh merekodkan kes baharu," katanya.

Beliau berkata, berikutan PKPB akan dilaksanakan bermula Isnin ini, pihaknya menasihati orang ramai khususnya golongan berisiko iaitu warga emas dan mereka yang mempunyai penyakit kencing manis serta darah tinggi meminimumkan pergerakan ke luar.

Hal yang sama ditegaskan pakar epidemiologi dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Ahmad Zaid Fattah Azman yang menyifatkan, PKPB seeloknya diadakan selepas berakhirnya PKP fasa keempat pada 12 Mei ini bagi memberi tempoh kepada peniaga dan masyarakat bersedia khususnya dalam aspek SOP.

Beliau berkata, dalam masa dua minggu ini, kerajaan boleh menggunakan tempoh berkenaan untuk mendidik peniaga dan masyarakat mematuhi SOP sepanjang menjalankan operasi perniagaan dan membeli-belah.

Beliau berkata, dengan cara itu, risiko penularan wabak COVID-19 boleh dikawal meskipun

PKPB membenarkan hampir semua sektor ekonomi beroperasi dilaksanakan.

"PKPB ini sudah diputuskan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan mungkin kerajaan mempunyai alasan sendiri dari aspek ekonomi, namun saya berpendapat mungkin ia sedikit awal.

"Seeloknya biarlah PKP fasa empat berakhir dan jika betul kes menurun secara konsisten, barulah ia dilaksanakan," katanya.

Dr Ahmad Zaid berkata, pada masa sama, tempoh dua minggu berbaki, boleh digunakan untuk mendidik masyarakat dan peniaga berhubung kepentingan mematuhi SOP.

"Mungkin tempoh tiga hari ini terlalu awal untuk mereka bersedia. Jika SOP dipatuhi, jangkitan mungkin boleh dikawal.

"Ini kerana apabila operasi perniagaan dibenarkan, memang jangkitan akan mudah tersebar dan risiko jangkitan bertambah apabila bercampur dengan orang ramai," katanya ketika dihubungi *BH*, di sini, semalam.

Dr Ahmad Zaid berkata, soal penguatkuasaan paling penting sepanjang pelaksanaan PKPB bagi memastikan peniaga dan masyarakat sentiasa patuh kepada SOP ditetapkan.

Katanya, agak sukar untuk mengawal SOP itu dalam skala besar melalui PKPB berbanding penguatkuasaan sepanjang PKP.

"Jadi, persediaan dan didikan itu penting untuk peniaga dan masyarakat mematuhi SOP dilaksanakan nanti," katanya.